

# Hari paling bahagia buat kembar seiras

**SEREMBAN 16 Nov.** - Angka dua memberi banyak makna dalam kehidupan pasangan kembar seiras, Najibah Saiful Bahrin dan adiknya, Najihah yang menerima ijazah masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-12 di Nilai dekat sini semalam.

Mereka adalah pasangan kembar yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing di USIM manakala kedua-dua ibu bapa mereka adalah pengetua dua sekolah agama di negeri ini.

Bapa mereka, Saiful Bahrin Abu, 50, dan ibu, Nuri Abdul Hak, 50, masing-masing adalah Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Datuk Haji Abu Hasan Sail di Pedas dan Sekolah Menengah Agama Rantau.

Justeru, kejayaan Najibah merangkul Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko dan Najihah (Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kimia Industri) memberi makna yang sangat besar bagi keluarga mereka.

Najibah menyifatkan majlis konvokesyen tersebut sebagai hari paling bahagia untuk mereka selepas belajar bersama-sama sejak sekolah rendah, menengah, matrikulasi hingga tamat pengajian universiti.

"Walaupun berbeza kursus dan tidak tinggal sebilik semasa di kampus, kami tetap meluangkan masa bersama-sama mengulang-kaji pelajaran di perpustakaan.

"Kami juga berasa gembira apabila seorang lagi adik turut menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah pada minggu depan," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen tersebut.

Najibah dan Najihah yang tinggal di Sikamat dekat sini, turut mempunyai sepasang adik kembar iaitu Mohd. Fathi dan Fathiyah, masing-masing berusia 22 tahun yang masih menuntut di USIM.

Pasangan kembar yang sudah mendirikan rumah tangga itu merupakan sebahagian daripada 1,689 graduan peringkat pengajian sarjana muda, diploma lepasan ijazah, sarjana dan ijazah doktor falsafah yang menerima skrol pengajian masing-masing dalam konvokesyen tersebut.

Sementara itu, Najihah yang kini bekerja sebagai Eksekutif Edaran Otomobil Nasional Berhad berkata, kejayaan dia dan kakaknya diharap mampu memberi inspirasi kepada adik-beradik yang lain untuk belajar bersungguh-sungguh dan menjadi individu berjaya.



**NAJIBAH SAIFUL BAHRIN** (kiri) dan **Najihah Saiful Bahrin** bersama skrol yang diterima pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di Nilai, kelmarin.